

Strategi tenaga negara

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

PEMUSATAN perhatian dunia yang amat pesat kepada usaha mengurangkan pergantungan terhadap minyak sebagai sumber tenaga dengan mencari sumber-sumber alternatif membayangkan betapa kritikalnya simpanan minyak dunia, yang dianggarkan pupus dalam tempoh, tiga puluh tahun saja lagi. Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedang dalam proses mempelabagalkan punca tenaganya kepada empat sumber: minyak, tenaga air, gas dan arangbatu. Dalam masa yang sama menyelidikan juga sedang dilakukan untuk menangguk tenaga dari sisa pertanian.

Antara empat sumber itu, kuasa air adalah yang berpotensi paling tinggi. Kajian Bangsa-bangsa Bersatu menunjukkan hampir separuh daripada potensi kuasa air terdapat dalam negara-negara membangun, tetapi cuma 10 peratus saja yang telah dieksploit. Di Malaysia sumber ini berpotensi sembilan kali lebih besar daripada keperluan tenaga. Tetapi ia juga memerlukan modal asas yang amat besar, menyebabkan penerokaannya oleh negara-negara membangun secara bersendirian agak sulit dan memakan waktu. Dua sumber lagi, iaitu gas dan arangbatu, juga merupakan sumber boleh pupus seperti minyak. Kerana itu selain kuasa air, alternatif sumber tenaga jangka panjang ialah dari yang boleh diganti semula — sisa pertanian. Namun sumber ini masih dalam peringkat penyelidikan, dan sebelum hasilnya yang betul-betul mantap dapat dibuat ia tidak dapat dimajukan secara ekonomikal.

Ini semua, seperti yang dikatakan oleh Dr Mahathir, menyebabkan kerjasama dan usaha serantau semakin penting, bukan saja dalam berkongsi hasil tenaga yang sudah boleh diteroka, seperti kuasa air, tetapi juga dalam penyelidikan lanjut penggunaan sisa pertanian. Malah penggunaan maksima tenaga dari kuasa air itu sendiri masih lagi memerlukan penyelidikan. Tenaga yang boleh didapati dari empangan Jeram Pelagus di Sarawak itu, umpamanya, walaupun amat besar, mungkin mengalami kehilangan dalam pengalirannya melalui kabel merentas laut ke Semenanjung dan kemudian ke lain-lain negara Asean. Tetapi dengan penyelidikan lanjut, tentulah kehilangan itu dapat dikurangkan kepada paras paling minima. Dengan bekerjasama dalam penyelidikan, kerja-kerja bertindan-lapis yang merugikan dari segi waktu dan perbelanjaan akan dapat dielakkan.

Di samping itu penjimatan tenaga juga tidak harus dilupakan. Tetapi di negara sedang membangun seperti Malaysia, daerah penjimatan itu harus dipilih supaya tidak menyekat gerak pembangunan.